

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Pemularan COVID-19

Sabah, Selangor kekal penyumbang kes tertinggi

958 jangkitan baru,
110 dirawat di ICU

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruki@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 958 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam dengan Sabah, Selangor dan Negeri Sembilan menyumbang angka tertinggi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Sabah mencatat 512 kes jangkitan, manakala Selangor dan Negeri Sembilan pula masing-masing 153 kes.

Beliau berkata, pertambahan jangkitan meliputi lima kes import itu menjadikan jumlah kumulatif di Malaysia kini mencecah 52,636 kes dengan 13,221 kes aktif.

"Pelaporan kes positif yang tinggi di Sabah berpunca daripada pertambahan jangkitan bagi kluster, terutama Kluster Sabaru dengan 149 kes dan peningkatan pengesanan kes dalam saringan kontak rapat sebanyak 196 kes.

"Selangor dan Negeri Sembilan mencatatkan jumlah kes tertinggi kerana pertambahan jangkitan dalam kluster sedia ada serta kluster baharu.

"Selain itu, 31 kes atau 3.2 peratus dilaporkan hari ini (semalam) adalah berkaitan kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS), lokap dan penjara," katanya pada sidang media COVID-19, semalam.

Kluster Tembok membabitkan 24 kes, manakala Kluster Penjara Seberang Perai (tiga), Kluster Rumah Merah (dua), Kluster Pen-



Sabah catat 512 kes jangkitan, manakala Selangor dan Negeri Sembilan masing-masing 153 kes.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

jara Sandakan (satu) dan Kluster Penjara Kepeyan (satu).

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, 110 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 42 memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, tiga kematian direkodkan, semalam menjadikan jumlah kumulatifnya ialah 329 kes atau 0.6 peratus.

Sementara itu, lima lagi kluster baharu direkodkan semalam, menjadikan kluster aktif kini berjumlah 167. Kluster baharu itu dikesan di Sabah, Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Johor.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Kesir dikesan di Tawau, Sabah, dengan kes indeks membabitkan seorang pekerja pasar raya yang didapati positif hasil saringan individu bergejala pada 8 November lalu.

Kluster Sri Jujur membabitkan daerah Klang, Sepang, dan

Petaling di Selangor, manakala Kluster Oad dikesan hasil saringan individu bergejala pada 10 November lalu pula membabitkan daerah Seremban, Jelebu, Kuala Pilah dan Jempol di Negeri Sembilan serta Hulu Langat di Selangor.

Satu lagi kluster baharu ialah Kluster Enggor membabitkan daerah Kerian, Kuala Kangsar, Batang Padang dan Kinta di Perak.

Kluster kelima ialah Kluster Makmur membabitkan daerah Kulai dan Johor Bahru, Johor.

Pada sidang media sama, Dr Noor Hisham turut memaklumkan mana-mana individu dari Sabah yang disahkan negatif dalam ujian saringan masih perlu dipakaikan gelang kuarantin dan menjalani kuarantin wajib selama 14 hari sebaik tiba di Semenanjung.

Katanya, biarpun ada kelengkapan terhadap pengembara yang menjalani ujian tiga hari sebelum memulakan perjalanan ke Semenanjung, mereka masih perlu ke kaunter saringan sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Sementara itu, beliau memaklumkan kadar kebolehhajatan yang tinggi daripada Kluster Mengketil di Kelantan, menyebabkan kes kluster itu merebak dengan pantas.

Katanya, selain merekodkan peningkatan kes yang mendadak dalam tempoh singkat, kluster itu sudah merebak ke Kota Bharu, Tanah Merah, Pasir Mas dan Kuala Krai di negeri berkenaan selain turut dikesan di Besut, Terengganu.

Justeru, katanya, tindakan proaktif dan pencegahan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kelantan mulai hari ini diambil bagi memperlahankan peningkatan kes di negeri itu.

Malaysia perlu lebih banyak calon pembekal vaksin

Kuala Lumpur: Malaysia perlu mempertimbang lebih banyak calon pembekal vaksin COVID-19, khususnya di rantau Asia Pasifik.

Felo Kanan Akademi Sains Malaysia, Prof Emeritus Datuk Dr Lam Sai Kit, berkata ini berikutan ada pelbagai vaksin sedang dibangunkan di Asia Pasifik.

Beliau berkata, Singapura dijangka memperoleh bekalan vaksin menjelang awal tahun depan dan ia adalah hasil penyelidikan dijalankan oleh National University of Singapore dan sebuah syarikat farmaseutikal Amerika Syarikat (AS), Arcturus Therapeutics.

"Institut Serum India, iaitu pengeluar vaksin terbesar dunia pula memiliki sekurang-kurangnya dua calon vaksin tempatan yang sedang dibangunkan.

"Negara lain terbabit dalam penyelidikan vaksin termasuk Indonesia, Thailand, Australia, Jepun dan China, yang memiliki lima calon vaksin dalam percubaan klinikal fasa tiga di negara luar meliputi Emiriah Arab Bersatu, Brazil, Pakistan serta Peru," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, Asia Pasifik memainkan peranan sangat kritikal dalam pembangunan vaksin kerana 36 peratus pengeluaran sektor kecil dan institusi akademik adalah dari rantau itu.

"Saya berharap ada antara vaksin terbabit boleh didapati menjelang tahun depan, sekali gus menyediakan akses lebih mudah untuk negara serantau," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Pfizer dilaporkan berhasrat dapat membekalkan 50 juta dos vaksin menjelang akhir ini, namun ia hanya mencukupi untuk 25 juta penduduk kerana membabitkan dua dos suntikan.

"Pada 2021, sasaran pembekalan ialah hingga 1.3 bilion dos. Dunia memerlukan vaksin untuk tujuh bilion penduduk bagi membolehkan 'herd com-

munity' diwujudkan pada peringkat global," katanya.

Sementara itu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa Kementerian Kesihatan (KKM) supaya mengambil pendekatan lebih menyeluruh dalam usaha melawan COVID-19 dengan turut menjalin kerjasama dengan tenaga pakar dan pengamal perubatan swasta di negara ini khususnya di Sabah.

Presidennya, Prof Datuk Dr Subramanian Muniandy, berkata kemudahan penjagaan kesihatan kerajaan tidak boleh bergerak sendiri dalam perang melawan COVID-19, sebaliknya perlu turut membabitkan kemudahan swasta sebagai pasukan tambahan yang mampu mengukuhkan lagi usaha ke arah itu.

Apatah lagi katanya, banyak perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta, termasuk di Sabah yang boleh digunakan untuk bersama dengan kerajaan melawan COVID-19.

"Sudah tiba masanya kita meredakan tekanan dihadapi sektor kesihatan awam dan mempertimbangkan untuk menggabungkan kekuatan antara perkhidmatan awam dan swasta bagi meningkatkan lagi keupayaan melawan COVID-19.

"MMA percaya pada akhirnya rakyat yang akan mendapat manfaat daripada kerjasama ini. Pesakit juga akan memperoleh penjagaan rawatan lebih baik jika kedua-dua sektor memaksimumkan perkhidmatan masing-masing," katanya dalam kenyataan, semalam.

Hingga kini, ada kira-kira 7,000 doktor di klinik swasta yang dilatih KKM dan lebih 3,000 doktor pakar yang berkhidmat di 200 hospital swasta seluruh negara.

Pada masa sama, Dr Subramanian berkata, kajian oleh MMA Sabah membabitkan 209 responden terdiri daripada doktor swasta mendapati, 70 peratus klinik swasta mengalami penurunan jumlah pesakit sehingga lebih 50 peratus.

Singapura perketat langkah rentas sempadan

Singapura: Singapura akan memperketat langkah rentas sempadan susulan peningkatan kes COVID-19 di Malaysia, menurut Kementerian Kesihatan (MOH) republik itu, semalam.

Menurut MOH, bermula 11.59 malam 22 November, pelawat mempunyai sejarah perjalanan ke Malaysia, termasuk transit 14

hari sebelum tarikh, perlu menjalani Notis Duduk di Rumah (SHN) selama 14 hari di kemudahan SHN yang ditetapkan.

"Ini termasuk pelawat yang memasuki Singapura di bawah Peraturan Ulang Alik Berkala (PCA) dan pelawat berpangkalan di Singapura di bawah Laluan Hijau Timbal Balik (RGL)," menurut MOH dalam kenyataan.

Singapura sebelum ini memendekkan tempoh SHN kepada tujuh hari dan menjalani tempoh itu di kediaman sendiri bagi pelawat dari Malaysia kecuali mereka dengan sejarah perjalanan ke Sabah yang perlu menjalani SHN selama 14 hari di kemudahan ditetapkan.

Dalam pada itu, MOH berkata, semua pelawat ke Singa-

pura bermula jam 11.59 malam 27 November, yang mempunyai sejarah perjalanan ke Malaysia 14 hari sebelum itu, perlu menjalani ujian COVID-19 Polymerase Chain Reaction (PCR) 72 jam sebelum membuat perjalanan.

Bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada warga Singapura (SC) dan Penduduk Tetap (PR).

MOH turut mengingatkan kepada pelawat mengenai keperluan mengemukakan keputusan ujian negatif COVID-19 sebagai syarat kelulusan memasuki Singapura.

"Ini tidak termasuk pelawat berpangkalan di Singapura di bawah Laluan Hijau Timbal Balik (RGL)," katanya.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 39
RUANGAN : BISNES

Pharmaniaga sedia botolkan vaksin COVID-19

Kemudahan sedia ada Pharmaniaga Bhd hampir sedia sepenuhnya menjalankan proses pembangunan pembotolan vaksin COVID-19 apabila kerajaan memutuskan pembelian vaksin itu kelak.

Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Zulkarnain Md Eusope, berkata kilang sedia ada Pharmaniaga ketika ini sudah 80 peratus bersedia dan hanya menunggu keputusan kerajaan dalam pembelian daripada pengeluaran vaksin.

"Dari segi kapasiti, logistik dan pengedaran, Pharmaniaga sudah bersedia untuk pembotolan vaksin ini.

"Kami mempunyai pengalaman selama 25 tahun melaksana, mengedar dan menghantar vaksin ke semua klinik serta hospital di Malaysia.

"Ruang simpanan kami juga mempunyai kapasiti untuk penyimpanan vaksin yang memerlukan suhu simpanan serendah negatif lapan darjah Celsius.

"Kumpulan juga sudah menjalankan perbincangan dengan kerajaan serta kementerian lain yang terbabit untuk memastikan simpanan dan pelaksanaan vak-

sin COVID-19 ini mengikut standard yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas taklimat prestasi kewangan Pharmaniaga suku ketiga berakhir 30 September 2020 secara maya, semalam.

Mengulas lanjut, Zulkarnain berkata, Pharmaniaga menjangkakan vaksin COVID-19 yang sedang menjalani ujian klinikal di beberapa negara dijangka berada di Malaysia pada suku pertama 2021.

Beliau berkata, kerajaan sedang melaksanakan perbincangan pembelian bersama antara tujuh hingga lapan pengeluar di seluruh dunia.

"Pharmaniaga bersedia untuk mengedarkannya di pasaran tempatan dalam tempoh kurang dua bulan selepas vaksin itu diterima, apabila perjanjian pembelian dimuktamadkan kerajaan," katanya.

Mengenai perancangan kumpulan pada masa depan, Zulkarnain berkata, Pharmaniaga sebagai syarikat farmaseutikal terbesar di Malaysia akan mewujudkan kemudahan vaksin halal pertama di dunia dengan pengeluarannya disasarkan bermula



Zulkarnain pada taklimat prestasi kewangan Pharmaniaga suku ketiga di Kuala Lumpur, semalam.

pada 2024.

Katanya, kemudahan itu juga akan membolehkan kumpulan mengeluarkan produk vaksin halal sendiri yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Kami akan bergerak dalam tiga fasa, iaitu menaik taraf kilang sedia ada di Puchong sebelum memastikan penyediaan ke arah vaksin serta penyelidikan dan pembangunan.

"Selepas itu, kami akan membangunkan vaksin halal sendiri. Kami optimis ia akan menjadi kemudahan vaksin halal pert-

ma di Malaysia dan juga dunia," katanya.

Pharmaniaga mencatatkan keuntungan bersih RM1 juta bagi suku ketiga berakhir 30 September daripada pendapatan RM625 juta yang diraihnya dalam suku dikaji.

Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, keuntungan bersihnya meningkat 14 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu kepada RM33 juta.

Beraskan prestasi kukuh ini, Lembaga Pengarah Pharmaniaga mengisytiharkan dividen interim ketiga 1.5 sen sesaham.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 43

RUANGAN : DUNIA

Penularan COVID-19

Remdesivir tak berkesan rawat pesakit: WHO

Tiada bukti ubat antivirus perbaiki tahap kesihatan penghidap

Paris: Ubat antivirus remdesivir didapati tidak boleh digunakan untuk merawat pesakit COVID-19 walaupun betapa deritanya keadaan mereka.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) semalam berkata, ubat berkenaan tidak memberi kesan penting terhadap peluang pesakit untuk terus hidup.

Berdasarkan beberapa ra-

watan yang menunjukkan penemuan awal terhadap pesakit menderita akibat virus berkenaan, pakar antarabangsa Kumpulan Pembangunan Garis Panduan WHO (GDG) berkata, tiada bukti data yang ada sekarang ini bahawa remdesivir memperbaiki tahap kesihatan pesakit.

Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan negara lain sebelum ini memberi persetujuan sementara untuk penggunaan remdesivir selepas dilakukan penelitian awal yang menunjukkan bahawa ubat itu berupaya memendekkan tempoh pemulihan terhadap beberapa pesakit COVID-19.

Presiden AS, Donald Trump antara pesakit yang pernah dirawat menggunakan remdesivir

termasuk ubat lain selepas beliau diuji positif COVID-19 pada Oktober lalu.

Syor WHO yang dibuat semalam bersandarkan empat ujian rawak antarabangsa terhadap lebih 7,000 pesakit yang dimasukkan ke hospital kerana menghidap COVID-19.

Meskipun ubat itu diterbitkan dalam panduan rawatan terkini bagi jurnal perubatan BMJ, barisan panel mengakui cadangan mereka tidak bermaksud remdesivir tidak memberi manfaat langsung ke atas pesakit.

Bagaimanapun, berdasarkan angka terkini, kos dan kaedah penyampaian menyarankan agar tidak menggunakan remdesivir sebagai tambahan rawatan biasa untuk pesakit COVID-19 di hos-

pital tanpa menghiraukan tahap dialami pesakit.

Bulan lalu, syarikat Gilead yang mengeluarkan remdesivir berkata, penjualan ubat itu meningkat hampir AS\$900 juta (RM3.68 bilion) pada suku ketiga tahun ini.

Remdesivir pada mulanya dibangunkan sebagai ubat bagi merawat virus Ebola, namun satu kajian yang diterbitkan pada Mei mendapati ia boleh mengurangkan tempoh rawatan pesakit COVID-19 yang terlantar di hospital secara purata dari 15 ke-11 hari.

Bagaimanapun, kajian WHO kini mendapati ubat itu sedikit atau tiada kesan terhadap kematian atau jangka masa rawatan di hospital dalam kalangan 11,000 pesakit di 30 negara. AGENSI



Penduduk New Delhi beratur untuk menjalani ujian swab. (Foto AFP)

Kes di India lepasi 9 juta

New Delhi: Jumlah kes COVID-19 di India mencecah sembilan juta semalam, lapor agensi berita Xinhua memetik Kementerian Kesihatan Persekutuan.

Dengan 45,882 kes jangkitan baharu di seluruh negara, jumlah keseluruhan adalah 9,004,365, manakala jumlah kematian seramai 132,162 selepas 584 lagi pesakit meninggal dunia, menurut data rasmi Kementerian.

Sebanyak 443,794 kes aktif dilaporkan manakala 8,428,409 pesakit dibenarkan pulang sele-

pas mendapat rawatan.

Kerajaan India meningkatkan kemudahan ujian saringan yang menyaksikan sehingga kelmarin, sebanyak 129,591,786 ujian dilakukan. Kelmarin sahaja 1,083,397 ujian saringan dibuat.

Sejak beberapa hari lalu, New Delhi mencatatkan lonjakan mendadak kes baharu.

Pemerintah New Delhi melaksanakan langkah ketat untuk mengatasi lonjakan itu, termasuk menaikkan denda kepada 2,000 rupee India (RM110

dan menahkakan kehadiran tetamu kepada 50 orang dalam majlis perkahwinan berbanding 200 tetamu sebelum ini.

Menurut Ketua Menteri Arvind Kejriwal, terdapat 42,458 kes di ibu negara, menyebabkan lebih banyak katil diperlukan termasuk di unit rawatan rapi (ICU).

Dalam perkembangan berkaitan, perintah berkurang waktu malam telah dilaksanakan di bandar Ahmedabad di barat Gujarat berkuat kuasa semalam. BERNAMA

EU sedia lulus vaksin Pfizer-BioNTech, Moderna

Brussels: Kesatuan Eropah (EU) bersedia untuk meluluskan dua vaksin COVID-19 yang diuji Pfizer-BioNTech dan Moderna sebelum akhir bulan depan.

Ketua EU, Ursula von der Leyen, berkata, Agensi Perubatan Eropah (EMA) juga bersedia memberi kelulusan pemasaran bersyarat selewat-lewatnya pada pertengahan Disember jika tiada sebarang masalah berbangkit.

"Kami juga meneruskan rundingan dengan Moderna dan Novavax," katanya sambil menambah 27 pemimpin EU turut menyokong program pembelian vaksin itu.

Gergasi farmaseutikal, Pfizer dan BioNTech dari Jerman yang bekerjasama menghasilkan vaksin itu mendakwa ujian klinikal menunjukkan kejayaan memberangsangkan dan sudah menyerahkan data berkenaan kepada EMA.

EMA yang berpangkalan di

Armsterdam bertanggungjawab meneliti hasil ujian terbah sebelum mengesyorkannya kepada EU untuk kelulusan.

EU mempunyai kontrak untuk membeli jutaan dos vaksin daripada BioNTech, Prevac, AstraZenca dan Sanofi jika ubat berkenaan dijual di pasaran.

Ketua EU itu turut berkata, EMA berhubung setiap hari dengan Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) AS dalam urusan membabitkan syarikat menghasilkan vaksin dari negara itu.

"Jika tiada sebarang masalah, EMA akan memaklumkan kepada kami yang kelulusan pemasaran bersyarat kepada BioNTech dan Moderna dapat direalisasikan pertengahan bulan depan," katanya.

Pengasas bersama BioNTech, Ugur Sahin berkata syarikat berkenaan berharap akan mendapat kelulusan itu dengan kadar segera. AGENSI



AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

PKPB di Kedah, Terengganu, Melaka dan Johor ditamatkan

Rakyat Kelantan 'dikurung'

Oleh RASDAN AHMAD dan SYED MOHD HAZIQUE SYED NOR

PETALING JAYA - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan di Kelantan selama dua minggu bermula hari ini hingga 6 Disember depan berikutan peningkatan kes positif Covid-19.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, PKPB itu dilaksanakan bagi membolehkan Kementerian Kesihatan (KKM) menjalankan saringan bersasar dan mengurangkan pergerakan dalam kalangan komuniti di negeri itu.

"Seluruh negeri Kelantan akan dikenakan PKPB mulai esok (hari ini) sehingga 6 Disember.

"Justeru, negeri berkenaan perlu mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) PKPB termasuk larangan untuk rentas negeri," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, PKPB di Johor, Melaka, Kedah dan Terengganu ditamatkan bermula hari ini.

Bagaimanapun, penamatan itu tidak termasuk daerah Kulim di Kedah serta Kota Tinggi dan Mersing di Johor yang masih dikenakan PKPB.

"Di Kedah sehingga Rabu lalu,



KERAJAAN melaksanakan PKPB di Kelantan selepas kes positif Covid-19 menular ke lapan daerah di negeri itu sehingga 19 November lalu. - GAMBAR HIASAN

hanya terdapat 85 kes aktif yang direkodkan di seluruh negeri berkenaan dan keadaan terkawal kecuali bagi daerah Kulim yang masih merekodkan 23 kes aktif.

"Bagi Johor, sejak 5 November lalu, sebanyak 82 kes positif direkodkan, namun sehingga Is-

nin-lalu, kes aktif merekodkan penurunan di seluruh negeri dan keadaan adalah terkawal kecuali daerah Kota Tinggi dan Mersing dengan masing-masing masih merekodkan 36 dan lapan kes aktif," katanya.

Ismail Sabri berkata, Perintah

Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Anjung Teduh Felida Sahabat Lahad Datu Sabah ditamatkan semalam.

Sementara itu, ujar beliau, Majlis Keselamatan Negara (MKN) mewajibkan ujian calitan jenis RTK Antigen ke atas semua

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	958
• Import: 5 Tempatan: 953	
• Pulih	956
• Kematian	3
• Masih dirawat	13,221
• Jumlah kes sembuh	39,088
• Jumlah Kematian	329
Jumlah kes keseluruhan	52,638

pekerja warga asing di Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah, Kuala Lumpur dan Labuan melibatkan semua sektor industri.

"Kementerian Sumber Manusia mencadangkan untuk mewajibkan ujian calitan kepada semua pekerja warga asing di negeri terbabit.

"Setakat 31 Oktober, seramai 1,615,834 pekerja warga asing aktif terdapat di negeri-negeri seperti yang dinyatakan kerana mempunyai banyak kawasan perindustrian serta bilangan pekerja yang ramai," katanya.

Tambahnya, atas nasihat KKM ujian tersebut diwajibkan ke atas mereka bagi mengurangkan risiko kebolehhajngkitan pandemik Covid-19.

Tiga negeri catat kes tertinggi

PUTRAJAYA - Sabah, Selangor dan Negeri Sembilan menjadi tiga negeri penyumbang tertinggi angka harian Covid-19 semalam dengan 818 kes daripada jumlah kes baharu sebanyak 958 kes.

Berdasarkan jumlah kes, Sabah mencatatkan sebanyak 512 kes atau 53.4 peratus, manakala Selangor dan Negeri Sembilan masing-masing melaporkan 153 kes atau 16 peratus.

Kes yang tinggi di Sabah daripada pertambahan kes bagi kluster-kluster terutamanya Kluster Sabaru (149 kes) dan peningkatan pengesanan kes dalam kalangan saringan kontak rapat yang merekodkan 196 kes.

Selangor dan Negeri Sembilan pula mencatatkan jumlah kes yang tinggi disebabkan oleh pertambahan kes dalam kluster sedia ada dan kluster baharu.

Kluster di Pusat Tahanan Sementara, lokap dan penjara menyumbang sebanyak 31 kes iaitu Kluster Tembok (24 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (tiga), Kluster Rumah Merah (dua), Kluster Penjara Sandakan dan



NOOR HISHAM

Kluster Penjara Keparan masing-masing satu kes.

Terdapat pertambahan tiga kematian baharu di Sabah melibatkan seorang wanita dan dua lelaki berusia 32, 39 dan 64 tahun meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Tawau menjadikan sebanyak 329 kes kematian terkini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdul berkata, lima kluster baharu dilaporkan semalam iaitu Kluster Kasir di Tawau, Sabah iaitu

seorang pekerja pasar raya hasil saringan bergejala dan susulan itu, 28 lagi dikesan positif.

Menurutnya, Kluster Sri Jujur pula di Klang, Sepang dan Petaling melibatkan 41 kes positif hasil saringan di tempat kerja terdiri daripada lima warga Malaysia dan 36 warga asing.

"Kluster OAD pula di Seremban, Jelebu, Kuala Pilah dan Jempol di Negeri Sembilan serta Hulu Langat di Selangor melibatkan kes indeks saringan bergejala dengan 11 kes lagi dikesan positif.

"Seterusnya, Kluster Enggor di Kerian, Kuala Kangsar, Batang Padang dan Kinta di Perak iaitu kes indeks individu bergejala dan susulan itu, 12 lagi dikesan positif," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Makmur dikesan di Kulai dan Johor Bahru, Johor dengan kes indeks hasil saringan bergejala dan kemudian, enam lagi dikesan positif kesemuanya dimasukkan ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dan Hospital Enche Besar Hajjah Khalsom, Kluang.

KKM lakukan penilaian risiko sebelum syor PKPB

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) melakukan penilaian risiko dengan mengambil kira beberapa faktor sebelum mengesyorkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di beberapa negeri termasuk di Kelantan yang bermula hari ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham Abdul berkata, penilaian risiko itu melibatkan kadar peningkatan kes, taburan kes positif, kepadatan penduduk, kewujudan tempat tumpuan awam serta keadaan sosiodemografi penduduk.

"Sebagai contoh, pada mulanya PKPB tidak dilaksanakan di Kelantan pada 9 November, namun mengambil kira faktor yang diteliti dalam penilaian risiko KKM, kini terdapat keperluan untuk PKPB dilaksanakan di negeri tersebut.

"Pada 3 November lalu, Kelantan hanya mencatatkan

lapan kes melibatkan tiga daerah sahaja, namun pada 19 November, bilangan kes aktif meningkat kepada 73 kes dan telah menular ke lapan daripada 10 daerah," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.


Ujar beliau, selain itu, terdapat tujuh kluster aktif iaitu Kluster Ikhtisas, Cergas, Kube, Kaya, Mengketil, Simerah dan Jalan Meru yang masih dipantau di Kelantan.

"Kluster Mengketil terutamanya mencatatkan pertambahan kes mendadak dengan peningkatan 41 kes dalam masa lima hari, manakala kes dalam kluster ini mula dikesan di Machang kini menular ke Kota Bharu, Tanah Merah, Pasir Mas dan Kuala Krai bahkan turut dikesan menular ke Besut, Terengganu.

"Kebolehhajngkitan kluster ini juga tinggi dan terdapat risiko penularan tidak terkawal sekiranya PKPB tidak dilaksanakan," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

KKM sedang meneliti 10 jenis vaksin Covid-19 sebelum diluluskan penggunaannya di negara ini.



KKM teliti 10 jenis vaksin Covid-19

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) kini sedang meneliti 10 jenis vaksin Covid-19 sebelum diluluskan penggunaannya di negara ini.

Menerusi kenyataan yang dikongsi dalam laman Facebook kementerian memaklumkan, sebanyak 10 jenis vaksin itu telah memasuki Fasa III kajian klinikal.

"Ia termasuk daripada jenis Viral Vector Vaccine (empat

pengeluar), Inactivated Virus Vaccine (tiga pengeluar), RNA Based Vaccine (dua pengeluar) dan Virus Like Particle Vaccine (satu pengeluar)," katanya.

Menurutnya, kesemua vaksin itu akan dianalisis untuk melihat aspek keselamatan dan keberkesanan sebelum diluluskan penggunaannya.

Tambahnya, sebelum vaksin didaftarkan, ia perlu dipastikan selamat, berkualiti dan berkesan

serta mematuhi keperluan regulatori, piawaian dan garis panduan antarabangsa.

Selain itu, antara proses pendaftaran vaksin termasuk daripada peringkat permohonan pendaftaran, penilaian produk, membentangkan penilaian vaksin kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan terakhir adalah menjana nombor pendaftaran vaksin.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kluster Mengketil membimbangkan

Kluster berkenaan merebak dengan cepat sehingga ke Besut, Terengganu

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Jangkitan Kluster Mengketil yang dikesan di beberapa daerah di Kelantan membimbangkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster berkenaan merebak dengan cepat sehingga ke Besut, Terengganu

dalam tempoh beberapa hari sahaja.

“Dalam tempoh lima hari, kluster ini merekodkan sebanyak 41 kes aktif dan dikesan merentasi negeri iaitu di Besut, Terengganu,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, tindakan proaktif telah diambil KKM berdasarkan penilaian fisiko.

“Apa yang boleh kita lakukan sekarang ialah duduk di rumah dalam tempoh dua minggu dan sekiranya perlu keluar, patuhilah prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan,” katanya.

Menurutnya, jangkitan Covid-19 di Kelantan berpunca



DR NOOR HISHAM

daripada individu daripada zon merah yang pulang ke negeri itu.

“Kita lihat contohnya Kluster Iktisas, Kluster Cheras, Kluster Kaya dan sebagainya, jangkitan berlaku di Lembah Klang dan Negeri Sembilan.

Tetapi mereka pulang ke Kelantan membawa jangkitan tersebut yang menjangkiti ahli keluarga serta komuniti,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya mengesan berlaku banyak pergerakan antara daerah yang menyebabkan Kluster Mengketil itu terus merebak.

“Sekiranya penduduk berada di rumah dalam tempoh dua

minggu, insya-ALLAH kita boleh mengembalikan semula Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di Kelantan,” katanya.

Ditanya adakah KKM telah melakukan ujian makmal terhadap virus dari Kluster Mengketil bagi mengenal pasti ciri-cirinya, beliau berkata, kajian belum dilakukan.

“Kluster ini baharu saja dikenal pasti dan kajian akan memakan masa sehingga tiga minggu,” katanya.

Jangkitan Kluster Mengketil dikenal pasti di Kota Bharu, Tanah Merah, Kuala Krai dan Pasir Mas. Ia berpotensi merebak ke lima daerah lagi berikutan pergerakan penduduk merentas daerah.

KKM mendapati jangkitan berlaku dengan cepat dalam

kalangan ahli keluarga dan hampir kesemua mendapat jangkitan selepas salah seorang ahli keluarga disahkan positif Covid-19.

Kelantan diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula hari ini sehingga 6 Disember depan.



Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, kes positif Covid-19 di Malaysia semalam mencatatkan 958 kes baharu dengan tiga kematian.

“Ini menjadikan jumlah kumulatif kes positif mencecah 52,638 kes dan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan sebanyak 13,221 kes.


“Terdapat tiga kes kematian direkodkan menjadikan jumlah terkumpul kematian akibat Covid-19 sebanyak 329 kes,” kata beliau.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN	52,638	RULIF	39,088	ICU	110
		KEMATIAN	329	KES BAHARU	+958



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 51,680 kes kepada 52,638 kes

INFOGRAFIK SINAR HARIAN/EPIC

* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 20 November 2020

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

Kelantan latest state to be placed under CMCO

PUTRAJAYA: Kelantan has recorded a nine-fold increase in Covid-19 cases in the last two weeks.

This was why the Health Ministry's risk assessment warranted a Conditional Movement Control Order (CMCO) to be implemented in the state, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yesterday.

"On Nov 3, the state logged only eight positive cases in three districts. But, up to Thursday, the number of active cases has climbed to 73 and spread to eight out of 10 districts.

"There are seven active clusters in the state currently, namely the Ikhtisas, Cergas, Kube, Kaya, Mengketil, Simera and Jalan Meru clusters," he said here yesterday.

He raised concerns about the Mengketil cluster, in particular, which logged a drastic rise of 41 cases within five days.

"The cases in this cluster were first detected in the Machang district, but have now spread to Kota Baru, Tanah Merah, Pasir Mas and Kuala Krai districts.

"In fact, cases linked to this cluster have also spread to the Besut district in Terengganu. This cluster has a high infectivity rate and poses a risk of uncontrollable transmission if we do not implement the CMCO."

Dr Noor Hisham said while the CMCO had been called off in several states, risk assessment in some districts within the states found that the risk of infections was still high. Thus, the CMCO was extended in these areas.

Before the ministry proposed for the CMCO to be enforced in an area, he said, a risk assessment would be conducted based on a few factors, including the increase rate of cases, the distribution of positive cases and population density.

The ministry, he said, had detected five new clusters — Kasir in Tawau Sabah, Sri Jujur in

On Nov 3, the state logged only eight positive cases in three districts. But, up to Thursday, the number of active cases has climbed to 73 and spread to eight out of 10 districts.

TAN SRI DR NOOR HISHAM ABDULLAH
Health director-general

Klang, Sepang, Petaling, OAD in Negri Sembilan, Enggor in Kerian, Kuala Kangsar, Batang Padang and Kinta in Perak, and Makmur in Johor Baru.

Three clusters, however, ended yesterday, when no new cases were recorded for 28-straight days.

The three clusters are the Bina cluster in Tawau involving 25 positive cases, the Seri Setia cluster (nine) and the Bah Bundle cluster (30).

To date, 324 Covid-19 clusters have been identified.

From the total, 157 have ended, while the remaining 167 are still considered as active clusters and placed under surveillance.

On case updates, Dr Noor Hisham said Malaysia logged 958 new Covid-19 cases yesterday, two cases more than the total number of recoveries, which stood at 956 up to noon yesterday.

He said 110 Covid-19 positive cases were being treated at Intensive Care Units, of which 42 patients required breathing assistance.

Three deaths were also recorded, all in Sabah, raising the Covid-19 death toll in the country to 329.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

Health DG hopes Kelantan residents will stay home

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Residents in Kelantan have been advised to stay home over the next two weeks due to the rapid rise in Covid-19 cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, who made the call, said the number of cases in the state had risen from just eight on Nov 3 to 73 on Thursday.

"I hope that in the two weeks, people in Kelantan will stay home.

If you have to go out, make sure you follow the SOP," he said at his daily press briefing yesterday.

Dr Noor Hisham said new cases in Kelantan were traced to Covid-19 red zones, including in the Klang Valley.

"There are individuals who travelled to Kelantan from red zones and brought the virus and spread it to their contacts and family members.

"The cases are found to come from clusters based in the Klang Valley and Negri Sembilan, such as the Cergas, Kaya and Ikhtisas clusters," he said.

Dr Noor Hisham said the Mengketil cluster was a cause for concern, as the cluster raked up 41 cases in just five days.

"The cases in the Mengketil cluster were first detected in Machang district, but it has since spread to Kota Baru, Tanah Merah, Pasir Mas and Kuala Krai.

"The infection has even made its way to Besut in Terengganu. The cluster has shown a high level of infectivity and there is a huge risk that the spread can go out of control

if the conditional MCO is not implemented," he added.

The latest situation in Kelantan has led the government to enforce the conditional movement control order there from Nov 21 to Dec 6.

Meanwhile, the country recorded 958 new Covid-19 infections yesterday, with Sabah having the highest number with 512.

This was followed by Selangor and Negri Sembilan, each having 153 cases. There were three fatalities, taking the national death toll to 329.

Dr Noor Hisham said 956 patients were discharged, with recoveries now at 39,088.

Active cases are at 13,221. Cumulatively, the country's Covid-19 cases have reached 52,638.

He said the Health Ministry detected five new infection clusters – the Kasir cluster (Sabah), the Sri Jujur cluster (Selangor), the OAD cluster (Negri Sembilan), the Enggor cluster (Perak) and the Makmur cluster (Johor).

To date, there are 167 active clusters in the country.

Kelantan to be placed under CMCO

Lockdown in four states lifted, mandatory testing for foreign workers

By MAZWIN NIK ANIS
mazwin@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The government has lifted the conditional movement control order on four states, put Kelantan under lockdown and announced that all foreign workers in select regions will have to undergo mandatory Covid-19 tests.

Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said a conditional MCO would be imposed on Kelantan beginning today due to a hike in Covid-19 cases – this comes after the Mengketil cluster in the state recorded 41 cases across multiple districts.

He also said the conditional MCO would end in Kedah, Melaka, Terengganu and Johor from tomorrow, earlier than the initially set date of Dec 6.

Meanwhile, Ismail Sabri also announced that foreign workers in Selangor, Negri Sembilan, Penang, Sabah, Kuala Lumpur and Labuan in all sectors and industries are to undergo compulsory swab tests for Covid-19.

The order does not cover domestic workers like maids, however.

The Senior Minister said this would be phase one of the policy to compel foreign workers to be tested, following an increase in the



Media briefing: Ismail Sabri informing the press about the conditional MCO imposed on Kelantan beginning today. – Bernama

number of cases among them.

He said the matter was decided by the National Security Council (MKN) special meeting yesterday after a proposal tabled by the Human Resources Ministry.

"After listening to the proposal and on the advice of the Health Ministry, the special meeting agreed to make it compulsory for foreign workers in these states as well as Kuala Lumpur and Labuan to undergo RTK-antigen swab tests," he said

in his briefing here yesterday.

He, however, did not specify what date the mandatory testing on foreign workers would take effect.

The MKN special meeting was told that as of Oct 31, there were 1,615,83 foreign workers in Malaysia.

Ismail Sabri said the meeting also agreed for private clinic staff to go to construction sites and workplaces to test foreign workers instead of having them queue up in front of

clinics to be tested.

He also explained that the RTK-antigen test was agreed upon as the results would be faster.

On paying for the tests, Ismail Sabri said: "The Social Security Organisation (Socso) will subsidise RM60 for foreign workers who are contributors while the remaining portion of the charges will be paid by their employers."

Employers are to bear the full cost to test their foreign workers who are not Socso contributors.

Separately, a Human Resources Ministry spokesman told *The Star* that RTK-antigen tests of foreign workers that are conducted from Nov 21 onwards would be eligible for reimbursement.

Applications for reimbursement can be made via Socso's Prihatin Screening Programme (PSP) portal. Socso will also work to facilitate the tests by participating clinics.

Further announcements on the reimbursement procedure and testing will be made on its website, the spokesman said.

Ismail also said the decision to get these workers tested was based on a risk evaluation carried out by health authorities since these workers' cramped living conditions had led to a high infection rate among them.

He also pointed out that new regulations were in place requiring employers and centralised accommodation providers to ensure living quarters met certain minimum requirements.

Meanwhile, to boost domestic tourism which has been badly affected by the pandemic, holidays and travel within green states will be allowed starting tomorrow.

Ismail Sabri said this was decided after the Tourism, Arts and Culture Ministry tabled a proposal, adding that the MKN special meeting had agreed but this would only be for those living in green states or districts for destinations that are also in green zones.

He cited an example where those from Kuantan, which is a green zone, could go for a holiday in Taman Negara in Kuala Tahan, which is also green.

Those residing in Pahang who want to go for a holiday in Johor, which is now green, but have to pass through Negri Sembilan need to get police permission to travel through the red zone.

Watch the video
[TheStarTV.com](https://www.thestar.com)

